



قائمتا بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 29 BILANGAN 20

RABU 25 APRIL, 1984.

رأبو 24 رجب 1404

PERCUMA

DASAR BERBAIK-BAIK DALAM HUBUNGAN LUAR

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam menegaskan bahawa Kerajaan Baginda akan menjadikan dasar utama hubungan luar Negara Brunei Darussalam dengan negara-negara yang ingin berbaik-baik atas prinsip persamaan dan saling hormat menghormati.

Adalah menjadi tanggungjawab yang penting dalam pentadbiran Kerajaan Baginda untuk memperkembangkan ekonomi rakyat negara ini dengan mengambil contoh teladan yang baik dan sesuai dari negara-negara yang maju.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan bertitah demikian di Majlis Persantapan Diraja sempena

meraikan Kebawah D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dan Kebawah D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong yang dikurniakan oleh Baginda bertempat di Balai Persantapan Istana Nurul Iman di sini pada malam Ahad lepas.

Baginda bertitah supaya hubungan dan kerjasama yang erat di antara Kerajaan

Brunei Darussalam dan Kerajaan Malaysia akan terus ditingkatkan di masa-masa akan datang berasaskan persefahaman yang jujur dan saling hormat menghormati demi kebaikan rakyat di kedua buah negara.

"Tidak syak lagi hubungan persahabatan dan kerjasama yang Paduka Adinda nyatakan yang bukan sahaja di antara kedua buah negara kita bahkan dengan negara-negara rakan yang di luar rantau ini yang berlandaskan persamaan dan hormat menghormati akan merupakan sumbangan positif ke arah kestabilan, kemanfaatan politik dan keamanan yang sangat diperlukan dalam mengembangkan ekonomi masing-masing," titah Baginda.

Dalam kemelesetan ekonomi dunia, Negara Brunei Darussalam berasa beruntung menjadi ahli dalam ASEAN di mana negara ini dapat bekerjasama pada mencapai matlamat yang sama-sama dikehendaki dan dalam konteks ini ASEAN sedikit sebanyak berjaya mengatasi kemelesetan



KEBAWAH D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

ekonomi berbanding dengan negara-negara lain.

"Dari itu adalah menjadi dasar Kerajaan Paduka Adinda supaya Negara Brunei Darussalam akan terus bekerjasama dengan rapat dengan rakan-rakannya dalam ASEAN dalam usaha-usaha ini menurut keupayaannya," titah Baginda.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya bertitah bahawa dalam usaha untuk mempererat lagi hubungan Negara Brunei

Darussalam dengan Negara Malaysia beberapa usaha sedang diambil bagi mengadakan susunan perjanjian dalam bidang perkhidmatan penerbangan di antara kedua buah negara dan mengadakan langkah-langkah peraturan di dalam bidang undang-undang dan keamanan mengenai ketenteraman dan keselamatan.

Menyentuh bidang bahasa, titah Baginda, pegawai-

Lihat muka 24

Kerjasama berbagai bidang akan diteruskan

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong bertitah Kerajaan Malaysia akan terus meneruskan hubungan kerjasama di berbagai bidang dengan Kerajaan Negara Brunei Darussalam bagi kesejahteraan kedua buah negara.

Kegiatan-kegiatan kerjasama yang dilakukan selama ini titah Baginda, akan seterusnya dapat diperluaskan pada meningkatkan dan mengukuhkan lagi persahabatan silaturahmi antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong bertitah demikian di Istana Nurul Iman dalam Istiadat Persantapan Negara malam Isnin lepas sejurus selepas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam bertitah.

Baginda bertitah, selain daripada hubungan dua hala, kedua negara juga berpeluang untuk bekerjasama memupuk dan mengukuhkan tali persahabatan tradisional serta persefahaman demi kepen-



KEBAWAH D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Malaysia.

tingan kerajaan dan rakyat bersama, melalui penyer-taan dalam badan-badan pertubuhan antarabangsa seperti ASEAN, Pertubuhan Negara-Negara Islam (OIC), Pertubuhan Negara-Negara Komanwel serta Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Sehubungan dengan itu Baginda percaya, kedua-dua negara akan dapat memberikan sumbangan positif ke arah pembentukan Zon Aman, Bebas dan Berkecuali di rantau ini khususnya, serta dapat mewujudkan keamanan dan pembangunan

masyarakat antarabangsa bagi keseluruhannya.

Terdahulu dalam titah Baginda pada malam
Lihat muka 24

BRUNEI KESALI TINDAKAN VIETNAM

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Negara Brunei Darussalam baru-baru ini mengeluarkan satu kenyataan yang menyatakan rasa kesal terhadap tindakan Vietnam menyerang Wilayah Thailand. Kenyataan tersebut adalah seperti berikut:

Negara Brunei Darussalam menyatakan rasa penuh kesalnya di atas tindakan tentera Vietnam menyerang Wilayah Thailand pada 25 Mac, 1984, yang mana tindakan itu boleh memburukkan suasana yang ada sekarang. Tindakan Vietnam itu adalah bertentangan

dengan penyelesaian keamanan yang dinyatakan oleh T.Y.T. Menteri Luar Vietnam.

Negara Brunei Darussalam berasa khuatir tindakan itu akan menjadi satu pertikaian besar yang akan mengancam keselamatan dan keamanan di rantau ini.

Lembaga Pengarah Ajensi Pelaburan dilantik.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah dengan sukacita melantik sebuah Lembaga Pengarah bagi Ajensi Pelaburan Brunei.

Menurut Siaran Akhbar yang dikeluarkan oleh Ajensi itu pada minggu ini, bahawa Pengerusi

bagi Lembaga Pengarah ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolikiah ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien.

Dato Paduka Ahmad Wally Skinner dilantik sebagai Timbalan Pengerusi dan Setiausaha

kepada Lembaga tersebut. Awang Abd. Rahman bin Haji Karim dilantik sebagai Pengarah Urusan.

Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abbas dan Dato Paduka Selamat bin Munap dilantik sebagai Pengarah. Sementara Awang Abas bin Haji Serudin dilantik sebagai Pengarah Ganti.

MANISNYA IMAN :

"Dan kalau engkau turutkan saja kemahuan kebanyakan orang di bumi ini tentulah mereka menyesatkan engkau dari jalan Allah. Mereka hanya menurutkan persangkaan belaka; dan mereka hanya membuat kebohongan semata-mata." — Makna ayat 116 Surah Al-An'am.



KEBAWAH D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

TITAH DI MALAYSIA:

SUMBANGAN MALAYSIA DIHARGAI

Bismillahir Rahmanir Rahim.

Assalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Paduka Kekanda Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Malaysia, Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'Adzam Shah,

Paduka Kekanda Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr. Mahathir bin Mohammad, Yang Berbahagia Datin Seri Dr. Siti Hasmah, hadirin dan hadirat sekalian yang dihormati.

Terlebih dahulu Paduka Adinda mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Paduka Kekanda dan Kerajaan Paduka Kekanda atas jemputan kepada Paduka Adinda untuk membuat lawatan rasmi ke Malaysia yang mana lawatan rasmi ini merupakan lawatan rasmi ke luar negeri yang pertama Paduka Adinda lakukan sejak Negara Brunei Darussalam mengambil alih tanggungjawab antarabangnya sebagai sebuah negara yang merdeka lagi berdaulat. Sesungguhnya jemputan Paduka Kekanda itu adalah satu penghormatan yang besar kepada Paduka Adinda dan sudah tentu mencerminkan perhubungan yang erat di antara Malaysia dan Negara Brunei Darussalam bukan sahaja sebagai Negara-Negara Ahli Persatuan Negara-Negara Tenggara Asia (ASEAN), tetapi tidak kurang pentingnya juga mencerminkan perasaan muhibah dan persaudaraan di antara rakyat Malaysia dan Negara Brunei Darussalam. Paduka Adinda juga tidak lupa mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas kata-kata aluan yang Paduka Kekanda lafazkan di majlis yang permai ini semata untuk meraikan keberangkatan Paduka Adinda ke negara ini.

Sejak mengambil alih semula tanggungjawab antarabangnya sebagai sebuah Negara yang merdeka lagi berdaulat Negara Brunei Darussalam adalah amat beruntung kerana telah diterima dengan cepatnya sebagai ahli kepada badan-badan serantau dan antarabangsa iaitu ASEAN, Pertubuhan Persidangan Negara-Negara Islam (OIC), Negara-Negara Komanwel dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations Organisation). Paduka Adinda adalah menyedari dan menghargai tentang betapa pentingnya peranan dan sokongan Kerajaan Malaysia pada mempercepatkan kemajuan Negara Brunei Darussalam sebagai ahli menyertai badan-badan tersebut. Maka dengan hati yang setulus ikhlasnya Paduka Adinda dengan sukacitanya mengambil peluang ini untuk merekodkan penghargaan dan terima kasih atas peranan dan sokongan Kerajaan Paduka Kekanda itu. Sesungguhnya adalah harapan Paduka Adinda semoga bantuan dan sokongan Kerajaan Paduka Kekanda itu bersahabat dengan kerjasama yang lebih konkrit lagi berkemajuan di antara Malaysia dan Negara Brunei Darussalam sama ada secara bilateral mahupun di dalam konteks perhubungan multilateral melalui ASEAN dan lain-lain badan antarabangsa.

Paduka Adinda dan rakyat Negara Brunei Darussalam senantiasa menghargai dayausaha kerana Allah yang bermanfaat sumbangan Malaysia terhadap kemajuan Negara Brunei Darussalam yang kini dinikmati oleh rakyat Paduka Adinda. Antara lain Paduka Adinda sukacita menyentuh di sini tentang peranan dan khidmat bakti yang cemerlang guru-guru agama yang diambil persendirian secara kontrak dari Malaysia dan kini sudah lama berkhidmat dengan Kerajaan Paduka Adinda di dalam kemajuan Negara Brunei Darussalam khususnya dalam bidang perkembangan Ugama Islam. Paduka Adinda juga menghargai penerimaan

(Lihat muka 3)

Titah-titah Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam semasa keberangkatan rasmi Baginda ke Malaysia pada 20 Mac, 1984, ke Jepun pada 6 April, 1984 dan ke Korea pada 7 April, 1984.

TITAH DI JEPUN:

PERLUNYA HUBUNGAN DIPLOMATIK YANG KUKUH

Yang Maha Mulia Emperor Hirohito, Yang Teramat Mulia-Yang Teramat Mulia, Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Yasuhiro Nakasone, Yang Berbahagia Madam Tsutako Nakasone, Tetamu-Tetamu Yang Ternama, Tuan-Tuan dan Puan-Puan.

Terlebih dahulu Beta mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Maha Mulia Emperor Hirohito dan Kerajaan Jepun atas jemputan kepada Beta berdua untuk berangkat rasmi ke Negara Jepun ini. Beta juga sukacita mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada Yang Maha Mulia Emperor Hirohito, Kerajaan dan rakyat Jepun atas ucap selamat dan tahniah yang Beta terima bersempena dengan kemerdekaan penuh lagi berdaulat Negara Brunei Darussalam pada 1 haribulan Januari, 1984 dan Hari Kebangsaan untuk merayakan kemerdekaan tersebut pada 23 haribulan Februari, 1984. Selain dari itu Beta juga mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas titah aluan yang mesra yang baru sahaja Yang Maha Mulia itu lafazkan di majlis yang permai dan penuh beristiadat ini.

Sebagai sebuah Negara yang baru sahaja mengambil alih tanggungjawab antarabangsa sebagai sebuah negara yang merdeka lagi berdaulat maka adalah hasrat dan cita-cita Negara Brunei Darussalam untuk berkerjasama dengan negara-negara sahabat dan sekutu ke arah pencapaian keamanan, kemajuan ekonomi dan persahabatan antarabangsa atas asas persamaan, saling menghormati kemerdekaan, kedaulatan dan keutuhan wilayah bagi semua negara yang bebas dari campur tangan dari luar negeri. Di dalam hubungan ini Negara Brunei Darussalam menghargai sokongan Negara Jepun terhadap perlibatannya yang aktif di dalam masyarakat antarabangsa termasuk kemasukkannya di dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations Organisation). Negara Brunei Darussalam juga menghargai sikap Negara Jepun terhadap Kesatuan Negara-negara Tenggara Asia (ASEAN) dengan penerimaan Negara Brunei Darussalam ke dalam badan tersebut sebagai negara ahli yang keenam. Maka adalah hasrat dan cita-cita Beta supaya perhubungan yang erat lagi bermanfaat di antara Negara Jepun dan Negara Brunei Darussalam itu akan diperkukuhkan lagi dengan perhubungan diplomatik di peringkat kedutaan secepat yang dapat diupayakan.

Meskipun perhubungan yang erat di antara Negara Jepun dan Negara Brunei Darussalam perlu diperkukuhkan lagi ke peringkat diplomatik yang sesuai demi untuk keamanan dan kestabilan di Benua Asia namun perhubungan ekonomi yang kukuh di antara Negara Jepun dan Negara Brunei Darussalam memang sekian lama terjalin. Bagi beberapa tahun kebelakangan ini Negara Brunei Darussalam adalah beruntung kerana mendapat pasaran yang begitu stabil di Negara Jepun bagi sebahagian besar minyak mentahnya dan bagi kesemua Gas Cecair Asli atau LNG nya. Di dalam hubungan ini Beta adalah sukacita mengetahui bahawa Negara Brunei Darussalam juga sedikit sebanyak dapat mengadakan sumbangan kepada kemajuan dan kemewahan ekonomi negara Jepun yang mengagumkan itu. Memandang kepada kemanfaatan bersama perhubungan ekonomi yang sekian lama terjalin di antara Negara Jepun dan Negara Brunei Darussalam maka adalah hasrat dan cita-cita Kerajaan Beta untuk meneruskan perhubungan ekonomi atas asas yang stabil itu pada masa-masa yang akan datang.

Selaku teras Negara dan tampuk Kerajaan Beta tidak akan kendur-kendur untuk terus berusaha demi untuk kemajuan Negara Brunei Darussalam dan rakyat serta isi manusia di dalamnya. Dan jika sejarah dan pengalaman kemajuan ekonomi Negara Jepun dapat dijadikan contoh teladan atau panduan maka adalah jelas kepada Beta bahawa hanya kemajuan dan kemewahan yang berpunca dari sikap, disiplin, kegigihan, istiadat, ketabahan dan kemahiran rakyat sesebuah negara itu sahaja yang dapat diwarisi oleh generasi-generasi yang akan datang. Berpandu kepada sejarah dan pengalaman kemajuan ekonomi Negara Jepun maka Kerajaan Beta menghargai perlunya skop kerjasama di antara Negara Jepun dan Negara Brunei Darussalam diperluaskan untuk juga merangkumi bukan sahaja kerjasama teknikal tetapi juga

(Lihat muka 3)

TITAH DI KOREA:

LAWATAN KE KOREA BERGUNA UNTUK BRUNEI

Tuan Yang Terutama Presiden Chun Doo Hwan, Puan Lee Soon Ja, Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Republik Korea Tuan Chin Iee Chong, Puan Lee Hak, Tetamu-Tetamu Ternama, Tuan-Tuan dan Puan-Puan.

Terlebih dahulu Beta sukacita mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Tuan Yang Terutama President Chun Doo Hwan dan Puan Lee Soon Ja yang telah sudi mengadakan santapan yang permai ini bagi Beta berdua dan rombongan Beta pada malam ini. Beta juga sukacita mengambil kesempatan ini untuk merekodkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada Kerajaan dan rakyat Republik Korea atas ucap selamat dan tahniah yang Beta dan Kerajaan Beta terima bersempena dengan kemerdekaan penuh lagi berdaulat Negara Brunei Darussalam pada 1 haribulan Januari, 1984 yang mana telah diraikan di Negara Brunei Darussalam pada 23 haribulan Februari, 1984 dengan juga dihadiri oleh Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Republik Korea Tuan Chin Iee Chong. Beta juga mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas kata-kata aluan yang mesra yang Tuan Yang Terutama President Chun Doo Hwan baru sahaja lafazkan mengenai Beta dan Negara Brunei Darussalam. Adalah harapan Beta bersempena dengan keberangkatan Beta ke Republik Korea ini untuk berkenalan-kenal dengan Tuan Yang Terutama dan mengenal dengan lebih dekat lagi aspek-aspek negara ini yang mana sebagai salah sebuah negara yang paling berjaya di dalam usaha-usaha pembangunan sosio-ekonominya di dunia ini sudah tentu mempunyai pengalaman-pengalaman yang berguna dan boleh disesuaikan di dalam usaha-usaha Beta, selaku teras Negara dan tampok Kerajaan, untuk mempergiatkan Kemajuan Negara Brunei Darussalam bagi faedah rakyat di dalamnya.

Sebenarnya perhubungan yang baik di antara Republik Korea dan Negara Brunei Darussalam telah pun sedia terjalin dengan penyertaan sektor swasta dari Republik Korea di dalam pembangunan Negara Brunei Darussalam khususnya dalam bidang pembinaan di dalam mana Negara ini dikenali kehandalannya bukan sahaja di rantau Asia malahan di seluruh dunia. Adalah hasrat dan cita-cita Beta supaya lawatan ini akan dapat mempereratkan lagi perhubungan dan persahabatan yang sedia wujud di antara kedua-dua buah negara kita di peringkat yang lebih sesuai dan adil bermanfaat bagi kedua-dua negara kita berasaskan kepada kedudukan masing-masing sebagai negara-negara yang penuh bertanggungjawab di kalangan masyarakat antarabangsa.

Sebelum mengakhiri titah ucapan ini Beta sukacita mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan mencatatkan penghargaan yang khusus kepada Tuan Yang Terutama President Chun Doo Hwan serta Puan Lee Soon Ja, Kerajaan Republik Korea dan kesemua yang berkenaan termasuk Tuan Yang Terutama Duta Republik Korea ke Negara Brunei Darussalam yang telah bertungkus lumus untuk menjayakan keberangkatan Beta ke Negara ini, termasuklah mengadakan rancangan-rancangan pada hari minggu yang mana menurut kebiasaan di Negara ini pada hari tersebut tiada rancangan-rancangan serupa ini diadakan. Pengecualian ini adalah penghormatan yang besar bukan sahaja kepada Beta serta rombongan, tetapi tentunya mencerminkan betapa pentingnya Republik Korea menghargai perhubungan dan persahabatan yang lebih erat di antara kedua-dua negara kita. Insya Allah, maka adalah hasrat Beta supaya usaha-usaha ke arah mempereratkan lagi perhubungan dan persahabatan di antara Republik Korea dan Negara Brunei Darussalam akan dipergiatkan dengan seberapa daya upaya yang boleh.

Untuk mengakhiri ucapan Beta ini Beta sukacita menjemput hadirin dan hadirat yang dihormati untuk bersama Beta memberikan ucap selamat semoga Tuan Yang Terutama President Chun Doo Hwan dan Puan Lee Soon Ja akan senantiasa berada dalam keadaan sihat dan semoga rakyat Republik Korea senantiasa berada di dalam keadaan makmur dan sejahtera dan semoga persahabatan di antara kedua-dua Negara kita akan terus berkekalan.

Sekian, terima kasih.



Pelita Brunei

25 APRIL, 1984

*Dengan nama Allah yang
pemurah dan maha penyayang*

KEBERANGKATAN RASMI KELUAR NEGERI:

Mengukuhkan lagi kedudukan negara di peringkat antarabangsa

SUATU keberuntungan yang diperolehi oleh negara kita semenjak mencapai semula tarafnya sebagai sebuah negara yang penuh berdaulat lagi merdeka ialah penerimaan masyarakat antarabangsa terhadapnya. Keanggotaan kita dalam badan-badan serantau dan antarabangsa iaitu ASEAN, Pertubuhan Negara-Negara Islam (OIC), Negara-negara Komenwel dan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dalam waktu yang singkat sangatlah mengagumkan banyak pihak. Dalam hal selain dimungkinkan oleh hasrat dan cita-cita kita untuk bekerjasama dengan negara-negara sahabat dan sekutu ke arah pencapaian

keamanan, kemajuan ekonomi dan persahabatan antarabangsa atas asas persamaan, saling menghormati kemerdekaan, kedaulatan dan keutuhan wilayah ialah juga kerana adanya sokongan yang kuat daripada negara-negara sahabat.

Sesungguhnya negara kita telah menepati kedudukannya yang wajar di peringkat antarabangsa sebagai sebuah negara yang penuh berdaulat lagi merdeka. Untuk tujuan memperkukuhkan lagi kedudukan tersebut, dan untuk maksud-maksud mengeratkan perhubungan yang sedia ada dengan negara-negara sahabat dan menjalin perhubungan baharu dengan negara-negara yang lain, maka kita berfaham bahawa lawatan dan keberangkatan rasmi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan ke Malaysia, Jepun dan Korea Selatan baru-baru ini dan ke beberapa buah negara lagi di masa yang akan datang akan memperkukuhkan kedudukan tersebut. Dari segi lain yang tidak kurang penting ialah lawatan dan keberangkatan rasmi tersebut sudah barang tentu bagi faedah-faedah dua hala iaitu antara negara kita dengan negara-negara yang dilawati. Dan mengenai hal ini titah-titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dalam ketiga-tiga lawatan dan keberangkatan rasmi Baginda baru-baru ini menjelaskan akan hasrat murni Baginda untuk menjalin dan meningkatkan kerjasama dalam berbagai-bagai bidang dengan Malaysia, Jepun dan Korea Selatan.

Di Malaysia, Baginda berterus terang menyatakan yang Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang membangun akan memerlukan bantuan-bantuan dari Malaysia dan dari sahabat-sahabat yang berjiran yang baik.

Di Jepun, Baginda menyatakan penghargaan akan perlunya skop kerjasama di antara Negara Jepun dan Negara Brunei Darussalam diperluaskan untuk merangkumi bukan sahaja kerjasama teknikal tetapi juga kerjasama dalam bidang-bidang sosial dan kebudayaan. Di Korea Selatan, Baginda berharap sempena keberangkatan Baginda ke negara itu selain untuk berkenalan dengan Presidennya ialah juga untuk mengenal dengan lebih dekat asas-asas negara tersebut yang Baginda sifatkan sebagai salah sebuah negara yang paling berjaya di dunia di dalam usaha pembangunan sosio-ekonominya yang mana Baginda percaya sudah tentu mempunyai pengalaman-pengalaman yang berguna dan boleh disesuaikan di dalam usaha-usaha Baginda sendiri selaku teras Negara dan tampuk Kerajaan untuk mempergiatkan kemajuan Negara Brunei Darussalam bagi faedah rakyat seluruhnya.

Maka lawatan dan keberangkatan rasmi Baginda ketiga buah negara yang berkenaan itu dapat pula disifatkan sebagai membaharui kerjasama yang sedia ada dan merintis kerjasama di bidang-bidang yang baharu sambil mempelajari secara dekat pengalaman masing-masing negara tersebut dalam pembangunan sosio-ekonominya.

Dan satu perkara yang patut diperhatikan dari lawatan dan keberangkatan rasmi Baginda itu ialah apa yang Baginda titahkan mengenai pencapaian kemajuan serta kemewahan yang akan diwarisi oleh generasi yang akan datang. Baginda menyebut hal itu setelah meneliti sejarah dan pengalaman kemajuan ekonomi Jepun di mana Baginda jelas mendapati bahawa sikap disiplin, kegigihan, beradab istiadat, ketabahan dan kemahiran rakyat sesebuah negara adalah menjadi punca kemajuan dan kemewahan yang berpanjangan. Dalam hubungan ini kita tentunya menyertai dan menjunjung pemangmatan yang

Baginda buat itu. Kita percaya pengalaman sedemikian sebahagiannya sedang kita harungi di mana dalam kemajuan dan kemewahan yang kita capai, kita terus kukuh dengan latarbelakang sejarah dan kebudayaan yang antaranya ialah ciri-ciri agama yang memberikan kita pegangan yang tepat dalam memilih kemajuan yang bermanfaat bukan sahaja untuk kepentingan kita pada masa ini bahkan untuk kepentingan keturunan kita di masa yang akan datang.

Khusus mengenai lawatan dan keberangkatan rasmi Baginda ke Malaysia, Baginda menyedari akan perlunya susulan lawatan-lawatan sama ada di peringkat Menteri mahupun pegawai-pegawai biasa untuk mengenal pasti dengan lebih dekat dan konkrit bidang-bidang di dalam mana kerjasama dan persahabatan yang rapat di antara kedua buah negara dapat diusahakan. Dan Baginda dengan tegas mengharap supaya "kerjasama yang konkrit dan rapat semata-mata untuk faedah bersama itu nanti akan meningkatkan lagi mutu persefahaman dan persahabatan di antara Malaysia dan Negara Brunei Darussalam dan insya-Allah, akan berkesudahan dengan penyelesaian apa jua masalah dan soal-soal yang afdal manfaat untuk diselesaikan di antara Malaysia dan Negara Brunei Darussalam."

Demikianlah kepentingan lawatan keberangkatan rasmi Baginda ketiga buah negara baru-baru ini. Kita rakyat dan penduduk bukan sahaja memberi perhatian setakat berita-berita bahkan juga cuba untuk mendapat fahaman mengenainya dari perspektifnya yang betul. Dan itulah namanya sebahagian daripada usaha kita mengembangkan kesedaran yang tinggi di kalangan rakyat terhadap negara amnya dan terhadap Rajanya selaku teras negara dan tampuk Kerajaan yang mereka percayai dan kasih.

Titah-titah Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam semasa keberangkatan rasmi Baginda ke Malaysia pada 20 Mac, 1984 dan ke Jepun pada 6 April, 1984.

TITAH DI MALAYSIA:

SUMBANGAN MALAYSIA DIHARGAI

Dari muka 2

penuntut-penuntut Negara Brunei Darussalam di universiti-universiti dan institusi-institusi pendidikan yang lain di Malaysia dan berharap penerimaan penuntut-penuntut sedemikian akan diteruskan pada masa-masa yang akan datang.

Sebagai sebuah negara yang membangun Negara Brunei Darussalam akan memerlukan bantuan-bantuan dari Malaysia dan dari sahabat-sahabat yang berjiran yang baik (antarabangsa). Paduka Adinda menyedari bahawa Negara Brunei Darussalam adalah sebuah negara yang kecil dan dengan demikian mempunyai had-had yang tertentu yang tidak dapat dielakkan kerana kekecilannya akan tetapi, insya-Allah, dengan sedaya upaya yang boleh Paduka Adinda dan Kerajaan Paduka Adinda akan berusaha dengan beransur-ansur pada mengikhtikarkan bidang Pentadbiran dan Perkembangan Pengurusan, Perancangan Ekonomi, Kemajuan Tanah dan Pertanian, Kemajuan Peniaga-Peniaga dan Pengusaha-Pengusaha Bumiputera dan lain-lainnya. Negara Brunei Darussalam akan memberikan sumbangan dengan kadarnya kepada kemajuan Negara-Negara ASEAN termasuk Malaysia dengan berasaskan demi untuk faedah dan kemanfaatan bersama.

Paduka Adinda menyedari bahawa lawatan rasmi Paduka Adinda ke Malaysia ini tentunya perlu disusuli oleh lawatan-lawatan sama ada di peringkat Menteri mahupun Pegawai-Pegawai biasa untuk mengenal pastikan dengan lebih dekat dan konkrit lagi bidang-bidang di dalam mana kerjasama persahabatan rapat dapat diusahakan. Adalah harapan Paduka Adinda supaya kerjasama yang konkrit dan rapat semata-mata untuk faedah bersama itu nanti akan meningkatkan lagi

mutu persefahaman dan persahabatan di antara Malaysia dan Negara Brunei Darussalam dan insya-Allah, akan berkesudahan dengan penyelesaian apa jua masalah dan soal-soal yang afdal manfaat untuk diselesaikan di antara Malaysia dan Negara Brunei Darussalam.

Sebagai penutup, Paduka Adinda sukacita mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada Paduka Kekanda serta Kerajaan dan rakyat Paduka Kekanda atas sambutan yang meriah dan layanan mesra yang ditunjukkan kepada Paduka Adinda dan rombongan. Sambutan yang meriah dan layanan yang mesra itu sesungguhnya melipatgandakan lagi kelesaan yang Paduka Adinda serta rombongan alami dalam rangka keberangkatan Paduka Adinda ini dan akan senantiasa menjadi kenangan yang manis lagi mudah-mudahan berkekalan kepada Paduka Adinda dan rombongan, dan tentunya akan mempererat lagi perasaan muhibah dan persaudaraan di antara rakyat Malaysia dan rakyat Negara Brunei Darussalam.

Bagi mengakhiri ucapan ini, Paduka Adinda sukacita untuk memberi ucap selamat kepada Paduka Kekanda Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Paduka Kekanda Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tuanku Hajjah Afzan. Semoga Allah Subhanahu Wataala akan sentiasa mencurahi rahmat-Nya kepada Paduka Kekanda serta Paduka Kekanda Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong dan akan sentiasa berada dalam keadaan sihat walafiat, aman sejahtera yang berkekalan.

Sekian, wabillahit taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

TITAH DI JEPUN:

PERLUNYA HUBUNGAN DIPLOMATIK YANG KUKUH

Dari muka 2

kerjasama di bidang-bidang sosial dan kebudayaan. Ke arah itu maka adalah harapan Beta supaya soal ini, dan juga soal-soal yang bersabit dengannya seperti keperluan-keperluan visa, akan dapat diteliti oleh kedua-dua pihak apabila sudah tiba masanya.

Sebagai penutup Beta mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Maha Mulia Emperor Hirohito serta Kerajaan dan rakyat Jepun atas sambutan yang meriah dan layanan yang mesra yang diberikan kepada Beta dan rombongan. Sambutan yang meriah dan layanan yang mesra yang tersusun rapi dan penuh beristiadat itu melipatgandakan lagi kelesaan Beta serta rombongan. Dan selain daripada menjadi kenangan yang manis dan mudah-mudahan abadi bagi Beta serta rombongan, ianya sudah tentu akan menjadi ristaan kepada semua rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam bagi masa-masa yang akan datang insya-Allah.

Untuk mengakhiri ucapan Beta ini, Beta sukacita menjemput hadirin dan hadirat yang dihormati untuk bersama Beta memberikan ucap selamat semoga Yang Maha Mulia Emperor Serta Kerabat DiRaja Jepun akan sentiasa berada dalam keadaan sihat walafiat dan semoga rakyat Jepun sentiasa berada di dalam keadaan makmur dan sejahtera dan semoga persahabatan di antara kedua-dua Negara kita akan terus berkekalan.

Sekian terima kasih.

PELAJAR DEWASA KHATTAM QURAN

MULAUT. — Walaupun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam telah berlalu hampir dua bulan, acara-acara perayaan bagi memperingati hari yang bersejarah itu masih diadakan di sana sini yang antaranya termasuklah yang bercorak keagamaan. Pada hari Ahad lepas

majlis khattamal Quran bagi pelajar-pelajar kelas dewasa agama lelaki di Daerah Brunei Muara telah diadakan di Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam di sini bersempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang telah berlangsung

pada 23 Februari yang baru lalu.

Seramai dua puluh orang pelajar-pelajar yang khattam Quran hari itu adalah sebahagian dari pelajar-pelajar yang mengikuti kelas dewasa agama di Kampong Mata-Mata, Kampong Lambak, Kampong Katimahar,

Kampong Lumapas, Kampong Tungku dan Kampong Delima Satu.

Tetamu kehormat di majlis itu ialah Haji Awang Dani bin Haji Ibrahim, Timbalan Pengawal Setor-Setor dan Perbekalan Negara, Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darus-

salam.

Di samping bacaan surah-surah khattam oleh pelajar-pelajar tersebut, persembahan marhaban juga telah dibawakan oleh Guru-Guru Ugama Lelaki dan Guru-Guru Kelas Dewasa Ugama Daerah Brunei dan Muara antara acara majlis petang itu.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.....

ISLAM MENENTANG ARAK

Siri ke-223

BERKATA Al-Imam Ibnu Hajar dalam kitab Az-Zawajir Iqirafil Kabaer adalah dosa besar yang ke-371, 372, 373, 374, 375, 376, 378, 379, 380, 381, dan 382 ialah minum arak semata-mata dan minum air yang memabukkan yang lain dari arak sekalipun satu titik, kiranya bermazhab Shafie, merah arak dan air yang memabukkan, minta perahkan keduanya, membawanya, dan minta dibawakan kepadanya sama ada untuk diminum sendiri atau memberi minum, dan minta diberi minum, menjualnya, membelinya, minta belikan dan minta jualkan, memakan harganya, memegang dan memiliki keduanya atau salah satunya adalah berdosa besar, inilah 12 (dua belas) perkara yang berhubungan dengan arak dan seumpamanya. Erti arak ialah air yang memabukkan yang diperah dari anggur atau dari lain-lain buah-buahan dan biji-bijian. Dinamakan Muskirun (air yang memabukkan), dan menurut satu kaul yang Asah (yang lebih jelas) bahawa tiap-tiap air yang memabukkan ialah arak sama ada dari anggur atau lain, jadi arak itu sama ada ia dibuat dari air anggur atau air dari lain buah-buahan dan biji-bijian adalah dinamakan arak menurut syarak.

Diriwayatkan oleh Al-Imam Al-Imam Al-Bukhari dan Muslim dan Abu Daud dan At-Termizi dan An-Nasaei:

Tiap-tiap yang memabukkan ialah arak, dan tiap-tiap yang memabukkan adalah haram dan riwayat Abu Daud yang mana ertinya tiap-tiap yang memabukkan itu ialah arak, dan tiap-tiap arak itu ialah haram, dan diriwayatkan Al-Imam Al-Imam Ahmad dan Abu Yakley yang ertinya, ingatkan maka tiap-tiap yang memabukkan itu ialah arak, dan tiap-tiap arak itu adalah haram.

Inilah sebahagian Hadis yang mengatakan arak, tuak haram dan lain-lain air yang memabukkan itu haram hukumnya dalam Islam.

Hukum haram arak telah tersebut dalam Al-Quran surah Al-Maidah ayat 90 dan 91 yang tafsirannya dengan ringkas, hendaklah kamu berhenti dari meminum arak dan bermain judi, kerana syaitan itu berkehendakkan melagakan di antara kamu pada membuat permusuhan dan benci-membenci dengan minum arak dan main judi itu dan menegah kamu dari ingatkan Allah dan dari mengerjakan sembahyang.

Telah ijmak dan sepakat umat Islam mengatakan

bahawa arak haram diminum dan telah diriwayatkan oleh Al-Imam At-Tabarani dengan sanadnya daripada sahabat Ibnu Abbas Radiallahu Anhu telah berkata yang ertinya: "Tatkala diharamkan arak, maka sahabat-sahabat Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam pergi setengah kepada setengahnya dan mereka berkata arak telah diharamkan dan arak itu dijadikan sebagai rakan menyekutukan Allah."

Telah diriwayatkan oleh Al-Imam Abu Daud dan lain-lain Ulama Hadis yang ertinya Allah Taala telah mengharamkan arak dan harganya, dan Allah telah mengharamkan bangkai (seperti lembu dan kambing pangkong dan ayam yang tiada diketahui orang Islam menyembelihnya pun dinamakan bangkai) dan harganya, dan Allah telah haramkan babi dan harganya.

Diriwayatkan oleh Al-Imam Abu Daud yang ertinya: "Allah Taala melaknat (mengutuk) arak, peminum arak, jurubawa arak bagi diminum, pembeli arak, penjual arak, pembuat arak, orang yang minta buat arak, dan tukang angkat arak dan orang yang diangkat arak kepadanya, dan diriwayatkan

oleh Ibnu Majah dengan menambah yang maksudnya dilaknat oleh Allah akan orang yang makan harga arak."

Berkata Al-Hafaz Al-Imam Al-Muziri Rawi-Rawi (orang yang meriwayatkan) adalah orang-orang kepercayaan yang ertinya Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam telah melaknat dalam perkara arak sepuluh orang: Tukang buat arak, orang yang minta dibuatkan arak, peminum arak, tukang angkat arak, orang yang diangkat arak kepadanya, tukang beri minum arak, penjual arak, pemakan harga arak, yang membeli arak, dan orang yang membelikan kerana orang membeli arak.

Erti laknat dihalau dan dijauhkan dari rahmat Allah Taala.

Erti dosa besar bahawa orang yang melakukan dosa itu akan mendapat amaran yang keras sama ada dari Al-Quran atau Al-Hadis, dengan azab dan siksa.

Diriwayatkan oleh Al-Imam At-Termizi dan katanya Hadis ini gharib, yang maksudnya: "Apabila umat saya (umat Islam) membuat 15 perkara, nescaya turunkan bala ke atas mereka, sahabat-sahabat bertanya apakah 15 perkara-perkara

itu ya Rasulullah? Sabda Baginda: Apabila ada harta tawanan perang dimiliki oleh sesuatu kumpulan lepas satu kumpulan, harta yang diamankan menjadi harta tawanan, zakat itu dipandang suatu bayaran denda yang mesti ditunaikan, suami taatkan isteri (kemudi di haluan), anak menyakiti dan derhaka akan ibunya, anak berbuat baik kepada rakan-nya, anak berbuat jahat kepada bapanya, suara bersahutan dalam Masjid, ketua sesuatu kumpulan itu adalah ia sehinah-hina orang daripada kumpulan itu, dan dimuliahkan seseorang itu kerana taklukan kejahatan-nya, minum arak merat-rata, dipakai pakaian sutra, dan disediakan penyanyi-penyanyi perempuan dan alat-alat bunyian hiburan (seperti mana sekarang), dan melaknat orang-orang sekarang (orang yang kemudian) akan orang-orang yang dahulu daripada umat Islam, maka ketika itu tunggulah akan angin merah (taufan) atau sedutan di bawah bumi atau ditukar rupa manusia menjadi kera dan seumpamanya."

Inilah amaran ke atas orang-orang yang bersyubhat menjalankan usaha menyiarkan minuman arak, tuak atau samsu dan lain-lain

nama yang diberikan kepada arak itu iaitu mereka kena bala petaka angin ribut, gempa bumi dan disedut oleh bumi atau ditukar rupa mereka kepada babi atau kera dan seumpamanya balasan di atas mereka menghilangkan akal fikiran dengan arak dan mabuk itu.

Hukum minum arak adalah suatu hukum siksa di dalam Islam disebut 40 kali dengan rotan, sebagaimana mencuri dipotong tangan dan membunuh dibalas bunuh jika tiada diampunkan oleh wali-wali simati, dan menuduh perempuan Islam berzina disebut 80 kali dengan rotan, dan berzina direjam jika ia muhsan (sudah kahwin) dan dara/teruna (belum kahwin) disebut 100 rotan, jadi kesalahan minum arak adalah sangat besar dalam Islam, oleh itu bersyubhat dan menyediakan arak bagi diminum oleh orang Islam atau bukan Islam adalah besar dosanya bagaimana yang tersebut.

WALLAHUAKLAM



Jadual Lawatan Dakwah ke Temburong

Tarikh	Tempat
1.5.1984	Balai Raya Kampong Senukoh.
2.5.1984	Balai Raya Kampong Balais.
7.5.1984	Awang Othman bin Abdullah Kampong Simbatang.
8.5.1984	Rumah Panjang Semabat Dalam.
9.5.1984	Awang Mohd. Shah bin Abdullah Rumah Panjang Temada.
9.5.1984	Rumah Panjang Sumbiling Baru.
14.5.1984	Balai Ibadat Semabat.
15.5.1984	Kampong Selapon.
16.5.1984	Khadijah binte Abdullah Kg. Amo.
16.5.1984	Rumah Panjang Amo 'B' Temburong.
21.5.1984	Minah binte Abdullah Kg. Selangan.
22.5.1984	Rumah Panjang Lepong Baru.
23.5.1984	Rumah Bahagia Semabat.
23.5.1984	Rumah Panjang Tanjong Bungar.
29.5.1984	Rumah Panjang Kampong Sibut.
30.5.1984	Mohd. Yunus bin Abdullah Rumah Panjang Sumbiling Baru.
30.5.1984	Rumah Panjang Batang Duri.

Y.A.M. Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusof (No.2 dari kanan) bersama para jemputan khas di majlis pertandingan membaca Al-Quran peringkat separuh akhir.

ADIL UNTUK KEBAHAGIAAN

TUTONG. — Umat Islam dikehendaki bersikap adil dalam kehidupan sehari-hari untuk mencapai kebahagiaan kehidupan dan kemakmuran, tegas Pemangku Pegawai Daerah Tutong.

Katanya, sikap begitu adalah semestinya menjadi amalan terutama dalam suasana kehidupan bernegara, bermasyarakat, dan berkeluarga.

Sebagai misal jelas, sesebuah negara tidak akan aman jika keadilan tidak diwujudkan di dalamnya, dan begitulah juga halnya dengan sesebuah anggota masyarakat dan keluarga juga tidak akan mencapai kemakmuran sekiranya keadilan tidak dapat ditegakkan.

Bagi kita masyarakat Islam tidak akan mungkin mencapai kebahagiaan beragama seandainya dalam masyarakat

Islam itu sendiri tidak mengamalkan keadilan mengikut kehendak Allah s.w.t. dan Rasul-Nya, kata Awang Aziz Mohammad.

Dalam sama-sama mendukung hasrat keadilan tersebut ujarnya, umat Islam seharusnya meningkatkan persefahaman yang bertujuan pada menegakkan keadilan mengikut lunas-lunas perintah Allah.

Awang Aziz bin Mohammad berucap demikian ketika menyentuh mengenai tema pertandingan membaca ayat-ayat suci Al-Quran Peringkat Separuh Akhir di Dewan Kemasyarakatan Tutong malam Selasa lepas.

Seramai 18 orang peserta Qari dan 13 orang peserta Qariah telah memperdengarkan bacaan masing-masing selama dua malam berturut-turut dan tema pertandingan

pada tahun ini berbunyi "Keadilan Asas Kebahagiaan dan Kemakmuran". Seramai 8 orang peserta telah dipilih bagi memasuki peringkat kebangsaan, iaitu 4 peserta Qari dan 4 peserta Qariah.

Mereka yang terpilih terdiri dari Awg Hj Shuaili bin Latif, Awg Hj Rosli bin Hj Bolaji, Awg Wasli bin Abu Bakar dan Awg Hj Md Yusoff bin Abu Bakar. Sementara peserta Qariah pula ialah Dy Jamilah bte Hj Abd Manaf, Dy Hjh Siti Ara bte Hj Idris, Dy Rokiah bte Ibrahim dan Dk Salbiah bte Pg Mohd Salleh.

Hadiah-hadiah pada malam tersebut disampaikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd Yusoff bin Pengiran Haji Abd Rahim dan Datin Hajjah Salmah bte Mohd Yusof.


Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 25 April, 1984 hingga ke hari Selasa 1 Mei, 1984 adalah seperti di bawah ini: —

HARI BULAN	ZUHUR		ASAR		MAGHRIB		ISYAK		IMSAK	SUBUH		MATAHARI TERBIT
	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir		Mulai	Berakhir	
26-30	12.24	3.38	3.39	6.30	6.31	7.42	7.43	4.54	4.41	4.55	6.08	6.09
1	12.24	3.37	3.38	6.30	6.31	7.42	7.43	4.52	4.39	4.53	6.06	6.07

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu. Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

MALU SEBAHAGIAN DARI IMAN



MARILAH kita sama-sama bertakwa kepada Allah dengan mengikut segala apa jua yang disuruh-Nya dan menjauhi segala apa jua yang dilarang-Nya.

Sifat malu adalah di antara sifat-sifat yang terpuji, malu adalah perisai yang menghalang seseorang melakukan perkara-perkara yang dicela. Orang yang pemalu sukat-sukatnya mengikut perintah-perintah Allah Taala, orang pemalu menahan diri dari melakukan tegahan-tegahan Allah, orang pemalu baik budi bicaranya, halus tutur katanya, tidak menuturkan kata-kata kotor dan keji.

MELAHIRKAN ANAK PENGALAMAN PENTING BAGI WANITA

ADALAH menjadi cita-cita setiap wanita yang berumah tangga untuk menjadi ibu. Wanita-wanita yang dapat melahirkan anak yang ramai dianggap sebagai wanita yang bertuah, yang beruntung sebagaimana sabda Rasulullah Salallahu Alaihi Wasallam dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad yang maksudnya:

"Di antara tanda-tanda keberkatan seorang wanita ialah mudah dipinang, tidak terlalu tinggi maharnya, segera mengandung dan ramai keturunannya."

Melahirkan anak merupakan kebanggaan dan pengalaman penting bagi seorang wanita. Masa mengandung ditempuhi oleh wanita dengan berbagai-bagai kesulitan dan kepayahan. Tiga bulan pertama, wanita tersebut mengalami rasa mual, muntah-muntah, tidak enak badan, letih lesu, hilang selera makan yang menyebabkan kesihatan merosot. Kelayahan, perubahan terhadap tubuh badan dan kejiwaan akan terus dialami oleh wanita yang mengandung selama lebih kurang sembilan bulan. Ayat 14 Surah Luqman menjelaskan:

"Dan kami memerintahkan kepada manusia supaya berbuat baik kepada kedua ibu bapanya, ibunya mengandungnya dengan menderita kelemahan demi kelemahan dan diceraikan susukannya dalam tempoh dua tahun. Bersyukurlah kepada-Ku dan kepada kedua ibu bapamu. Kepada-Ku tempat kembali."

Melahirkan anak bukanlah suatu perkara yang mudah. Ada wanita yang gagal melahirkan secara biasa sehingga terpaksa dibantu dengan pembedahan dan sebagainya. Ayat 15 Surah Al-Ahqaf menjelaskan:

"Dan Kami memerintahkan kepada manusia supaya berbuat baik kepada kedua ibu bapanya, ibunya telah mengandungnya dengan susah payah dan melahirkan-nya juga dengan susah

payah."

Tanggungjawab wanita semakin berat setelah menjadi ibu. Beliau adalah yang memenuhi kehendak-kehendak fizikal anak tersebut, membelainya dengan penuh sabar dan cinta kasih dengan mengorbankan kerihatannya. Beliau adalah yang akan berjaga di sisi anaknya jika anak tersebut menghadapi gangguan kesihatan, mengorbankan waktu tidur dan kesihatannya demi kesejahteraan anak.

Bagaimanapun sabda Rasulullah yang diriwayatkan oleh At-Tabarani dapat menjadi penawar dan menaikkan moral kita sebagai ibu:

"Apakah rida (suka) seorang wanita yang hamil dari perkahwinan yang sah dan suaminya rida kepadanya kerana ketaatannya, Allah memberikan pahala kepadanya sebagaimana pahala orang yang berpuasa kepada Allah (kerana keahliannya). Bila ia merasa sakit hendak melahirkan, maka ia memperoleh pahala yang tidak terilai banyaknya, bila anak lahir dan disusunya, setiap seteguk air susu ibu itu mendapat ganjaran pahala satu kebaikan. Bila ibu menyekang mata merawati anaknya yang sakit, maka Allah memberinya pahala memerdekakan (membebaskan) seramai 70 orang hamba abdi."

Apakah ini tidak cukup untuk memberikan kekuatan jiwa dan kebahagiaan dalam diri kita sebagai ibu?

Kerana pengorbanan jasa ibu yang begitu besar itulah Allah memerintahkan kita mentaati dan berbuat baik kepada orang tua lebih-lebih lagi terhadap ibu.

Perhatikan sabda Rasulullah Salallahu Alaihi Wasallam ketika bertindak balas terhadap pertanyaan seorang lelaki:

"Siapakah yang lebih utama mendapat kebaktian dan kasih sayangku?" Jawab Rasulullah "Ibumu". Orang itu bertanya lagi, "Kemudian siapa pula?" Nabi masih menjelaskan, "Ibumu". Orang itu

bertanya lagi: "Kemudian siapa?" Jawab Nabi "Ayahmu."

Jasa dan pengorbanan ibu tidak akan terbalas oleh anak sehingga akhir hayat. Rasulullah ditanya oleh seorang lelaki, "Wahai Rasulullah, saya mengerjakan Haji ke Mekah dengan ibu saya yang sudah tua. Saya menggundungnya dari perjalanan dari Yaman ke Mekah dan sepanjang pekerjaan Haji, apakah saya telah membalas jasa beliau?" Nabi menjelaskan: "Sedikit pun kau belum membalasnya."

Kita dituntut berlaku baik dan mentaati orang tua. Allah melarang keras penderhakaan terhadap mereka. Sabda Rasulullah:

"Tiga jenis orang yang diharamkan Allah Taala mencium bau syurga: Kaki arak, penderhaka kepada kedua ibu bapanya dan lelaki dayus yang mengukui perbuatan keji isterinya."

Banyak contoh sejarah yang dapat kita renungi akibat dari tidak berbakti kepada ibu. Legenda rakyat seperti Nakhoda Manis, Jong Batu, Si Tanggang dan lain-lain dapat dijadikan contoh untuk diambil pengajaran.

Sebuah hadis Rasulullah telah merakamkan cerita Juraij, seorang ahli ibadah yang sentiasa tenggelam dengan sembahyang sunat sehingga tidak mempunyai waktu untuk bertemu, bermesra dengan ibunya yang sudah tua. Setiap kali ibunya datang menemuinya di tempat peribadatannya; Juraij masih sembahyang dan langsung tidak memperdulikan kehadiran ibunya. Ibu tersebut kerana terlalu tersinggung dan kecewa dengan pelayanan anak terhadapnya dengan marah mendoakan kepada Allah semoga anaknya ditimpa oleh kesusahan dunia. Tidak lama sesudah itu Juraij terlibat dalam tuduhan melakukan zina dengan seorang wanita yang rendah moralnya sehingga menyebabkan kelahiran haram. Perkara ini membangkitkan kemarahan masyarakat setempat sehingga mereka bertindak membinasakan tempat

Menuju keredaan Allah

peribadatan Juraij. Juraij yang tidak bersalah menyerahkan dirinya kepada Allah memohon dilepaskan dari malapetaka tersebut. Allah melakukan kehendak-Nya dengan memberi kuasa kepada anak damit tersebut berkata-kata dan menjelaskan bahawa bapanya bukan Juraij tetapi seorang pengembala kambing yang ada di sekitar tempat itu. Juraij terlepas dari tuduhan zina iaitu malapetaka yang didoakan oleh ibunya supaya menimpa Juraij.

Ada dua pengajaran yang dapat kita petik dari peristiwa tersebut. Pertama, seorang anak tidak boleh menyakiti hati ibunya dengan mengutamakan sembahyang sunat. Melayani ibu lebih utama dari sembahyang sunat tersebut. Dan kedua, ibu tidak boleh terlalu menurut perasaan hati, rasa geram, marah dan kecewa sehingga terlepas kata, kerana mulut ibu itu selalunya masin, kata-kata ibu seolah-olah doa yang siapa tahu dimakbulkan Allah. Seorang ibu jangan menyumpah, menyerang anak-anak dengan kata-kata yang kesat seperti anak celaka, anak syaitan, anak kurang ajar dan sebagainya. Insya Allah anak itu kelak akan jadi celaka atau syaitan bila besar. Peliharalah kata-kata dengan banyak-banyak beristighfar kepada Allah.

Renungi warisan orang tua dalam mendodai anak-anak:

"Timang tinggi-tinggi sampai cucur atap belum tumbuh gigi sudah pandai baca kitab."

Kerana itulah anak yang belum bersekolah sudah khatam Al-Quran berkat kemahiran dan semacam doa dalam lagu tersebut.

ORANG PEMALU DISUKAI

Sebaliknya orang yang tidak malu itu mudah pula mengenalnya iaitu tingkah lakunya, kelakuannya akan bertentangan dengan segala sifat-sifat kesempurnaan budi pekerti. Kerana itu kalau orang pemalu disukai maka orang yang tidak pemalu pula dicemuh dan dibenci.

Sifat malu itu tidak bercerai daripada iman. Kerana itu pengenalan orang beriman turut ditentukan oleh sifat malunya yakni orang beriman itu pastilah juga dia seorang yang pemalu, tidak boleh tidak sebagaimana hadis Nabi Salallahu Alaihi Wassalam riwayat Al-Hakam dan Al-Baihaqi yang bermaksud:

"Bahawa malu dan iman itu dua perkara yang tidak boleh berpisah. Jika yang satu dicabut maka yang satu lagi pun turut sama."

Dalam hadis yang lain bahkan iman itu disifatkan sebagai telanjang, pakaiannya ialah takwa dan hiasannya pula malu. Sabda Rasulullah Salallahu Alaihi Wasallam.

MALU TIGA BAHAGIAN

Malu itu terbahagi kepada tiga. Pertama malu kepada diri sendiri, kedua malu kepada manusia dan ketiga malu kepada Allah. Ketiga-tiga macam malu ini dianggap sebagai sendi keutamaan budi pekerti yang luhur. Kesemuanya menimbulkan kesan-kesan yang baik.

Apabila seseorang malu kepada Allah maka selamat dan berbahagialah hidupnya kerana orang yang malu kepada Allah itu teranglah dia orang yang salih dan tidak akan

berani atau tergamak melakukan kesalahan-kesalahan dan dosa. Orang begini akan mencapai peringkat yang sangat tinggi di sisi Allah kerana di kepala dan hatinya hanya Allah, di dalam ramai dan sunyinya dia tidak lupa Allah, dia tahu dan dia yakin bahawa Allah itu melihat dan memerhatikannya. Kerana itu dia malu dan takut kalau-kalau terbuai sesuatu yang mendatangkan kebencian Allah.

MEMERIKSA DIRI SENDIRI

Kalau melihat maksud hadis di atas dapatlah kita orang-orang Islam ini menyemak dan memeriksa diri kita masing-masing adakah kita ini orang yang sudah cukup bermalu? Kalau sudah, alhamdulillah bermakna kita juga orang yang benar-benar beriman. Tandanya malu kita itu bukan sahaja takut dicera orang bahkan malu Allah memerhatikan kepada kita. Orang yang pemalu memelihara dirinya dari segala yang haram, mengosongkan zahir dan batinnya dari perkara-perkara yang mendatangkan dosa dengan alasan hati kecilnya takut kepada Allah, takut akan dihinakan oleh Allah.

Marilah kita sama-sama menyedari hal ini, kita kenal pasti diri kita, kita teliti apakah pada diri kita telah sedia ada unsur-unsur yang menjadi alamat kepada sifat malu itu? Jika sudah ada, alhamdulillah kita pupuk lagi biar subur dan kembang. Dan jika rasa-rasanya belum ada maka bolehlah kita belajar dan mengasah terus biar menjadi milik kita juga untuk kebahagiaan dan kesetiaan kita di dunia dan di akhirat.

PEMBETULAN

PELITA Brunei keluaran 18 April, 1984 muka surat 13 terdapat kesilapan cetak pada keterangan gambar atas sebelah kanan. Oleh itu keterangan gambar tersebut hendaklah dibaca seperti berikut:

Semasa lawatan tiga hari ke Republik Korea itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah serta rombongan juga telah berkesempatan berangkat melawat Unit Tentera Republik Korea (atas).

Pengarang memohon maaf atas kesilapan yang tidak disengajakan itu.

Pingpong perseorangan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Kampong Saba (PERKASA), akan menganjurkan perlawanan pingpong perseorangan sempena tahun ke-20 penubuhan persatuan itu. Perlawanan adalah terbuka kepada warganegara Brunei dan tinggal di Kampong Ayer. Bayaran masuk bagi menyertai perlawanan tersebut ialah \$3.00 seorang.

Borang-borang penyerahan serta keterangan lanjut kini boleh didapati dari Awang Haji Abd Majid bin Haji Moxsin di Kampong Saba Darat 'A', Awang Lakim bin Haji Tinggal di Pejabat Undang-Undang dan Awang Saimon bin Haji Sulaiman di Pusat Belia dan hendaklah dikembalikan pada 5 Mei, 1984.

PEMBETULAN

1. Paragraf keempat sebelum akhir dalam laporan bertajuk 'Media Barat Gagal Fahami Kedudukan Kita' di muka surat 24, Pelita Brunei keluaran minggu lalu hendaklah dibaca: "Awang Haji Badaruddin percaya, mass media barat termasuk yang berpangkalan di rantau ini boleh menolong menghilangkan kecurigaan-kecurigaan terhadap satu sama lain di kalangan pemimpin dan rakyat di kedua-dua rantau."

2. Paragraf kedua dalam laporan bertajuk "Usaha mengurangkan import bahan-bahan makanan" di muka surat 24 keluaran yang sama hendaklah dibaca: "Seterusnya, tambah Awang Haji Mohd Salleh, Kerajaan dalam usaha mengurangkan jumlah pengimportan bahan-bahan makanan melibatkan diri dengan usaha-usaha bergiat secara langsung untuk menanam dan mengeluarkan barang-barang makanan seperti beras. Walau bagaimanapun bagi perancangan yang melibatkan strategi jangka panjang adalah sukar untuk mencapai kejayaan seratus peratus." — Penyunting.

LAWATAN PERKHIDMATAN PERUBATAN TERBANG

Tarikh	Hari	Kampong	Ulu
1.5.84	Selasa	Buau	Belait
2.5.84	Rabu	Benutan	Tutong
7.5.84	Isnin	Mapol	Tutong
8.5.84	Selasa	Lopot	Temburong
9.5.84	Rabu	Biang Menengah	Temburong
14.5.84	Isnin	Ukong	Tutong
15.5.84	Selasa	Sukang	Belait
16.5.84	Rabu	Belabau	Tutong
21.5.84	Isnin	Melilas	Belait
22.5.84	Selasa	Supon Besar	Tutong
23.5.84	Rabu	Long Mayan	Tutong
28.5.84	Isnin	Bukit	Tutong
29.5.84	Selasa	Teraja	Belait
30.5.84	Rabu	Buau	Belait

"Penerbangan tambahan akan diperlukan bagi Perkhidmatan Perubatan Terbang pada melawat Kampong Merangking, Ulu Belait, bagi bulan Mei, 1984, jika keadaan jalan raya tidak dapat dilalui disebabkan banjir. Tambahan-tambahan penerbangan ini adalah secara terbuka walau bagaimanapun tarikhnya akan ditetapkan lebih awal dari itu, jika kejadian sedemikian berlaku."



AWANG Azhar bin Yahya, penuntut terbaik dalam peperiksaan Brunei-Cambridge Peringkat 'A' 1983 menerima hadiah sumbangan P.G.G.M.B. yang -disampaikan- oleh -Dato -Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad.

PGGMB DIGESA MAINKAN PERANAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) pada hari Ahad lepas digesa memainkan peranan penting dalam pembangunan negara.

Mereka perlu menumpukan perhatian kepada isu-isu yang lebih berkesan seperti dasar pelajaran, masalah-masalah sivik dan isu-isu cabaran yang merangsangkan pemikiran seseorang untuk menjadi sumbangan positif bagi kesejahteraan negara.

Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat menyeru demikian ketika berucap merasmikan Mesyuarat Agung Perwakilan PGGMB kali yang ke-XXXIV 1983-1984 di dewan bangunan persekutuan itu di sini.

Menurutnya, selama ini beliau tidak nampak dasar PGGMB terhadap sekolah-sekolah Cina, dasar PGGMB tentang dasar pendidikan di negara ini yang mempunyai banyak cabang dan aliran, dasar PGGMB tentang pendidikan agama; dasar PGGMB tentang kurikulum baru yang sedang dilaksanakan; masalah dua bahasa dan

sebagainya.

"Sudahkah PGGMB puas hati tentang dasar pelajaran pada masa ini? Apakah dasar PGGMB tentang pelajaran tinggi?" tanya beliau.

Dengan niat bukan untuk menghasut, beliau menyatakan PGGMB mempunyai cabang profesionalnya seperti kebajikan, sukan dan sebagainya yang boleh menentukan dasar-dasar PGGMB bagi menolong Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Para guru, katanya perlu memikirkan apakah 'commitment' mereka terhadap dasar dan iktisad pelajaran di negara ini.

"Kita sudah merdeka dan berdaulat, pertolongan daripada pihak PGGMB amat penting. Kalau PGGMB tidak mengambil langkah positif, kita akan 'Tais lior' saja," ujar beliau lagi.

Beliau percaya PGGMB tentunya sekarang telah mengatur strategi untuk meningkatkan lagi pencapaian yang telah sedia ada termasuk menyediakan kepimpinan

pelapis. Dengan adanya kepimpinan pelapis yang dinamik yang berterusan serta perpaduan ahli yang kukuh, keselamatan dan kesejahteraan di masa depan akan terjamin.

Peralihan kepimpinan yang mendadak mungkin akan melemahkan pentadbiran katanya.

Terdahulu dari itu Yang Dipertua PGGMB, Awang Haji Mohd Suni bin Haji Idris juga menyampaikan ucapan.

Beliau menyeru kepada guru-guru akan terus melipatgandakan usaha dalam kerjanya mereka terutama dalam menempuh era kemerdekaan ini di mana segala tanggungjawab adalah dipikul oleh kita sendiri sebagai rakyat dan

penduduk negara ini.

Majlis itu telah juga diselenggarakan dengan penyampaian hadiah-hadiah penuntut terbaik 1983 yang juga disempurnakan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri itu.

Di antara tetamu yang hadir ialah Pemangku Pengarah Pelajaran, Awang Abdul Razak bin Haji Muhammad, dan Pengetua Pusat Sejarah, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd Jamil Al-Sufri serta anggota Jawatankuasa Tertinggi PGGMB.

Majlis diakhiri dengan bacaan doa selamat oleh Awang Haji Hussin bin Zainal.

Perkembangan agama diambil berat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perkembangan Agama Islam senantiasa diambil berat di Negara ini. Berbagai rancangan telah disusun oleh pihak Kerajaan termasuklah pembinaan masjid-masjid di seluruh negara.

Demikian dinyatakan oleh Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussien, Pengarah Kebajikan Belia dan Sukan semasa berucap merasmikan Masjid Kampong Pelambayan pada Jumaat lepas.

Di samping kesuburan pembangunan fizikal kata

Yang Berhormat, kesuburan perkembangan rohani berlandaskan ajaran Agama Islam adalah mustahak diperluaskan setiap masa pada menguatkan pegangan beragama bagi kebahagiaan dunia akhirat.

Untuk mencari ketenangan hidup jelasnya, memakmurkan Masjid dengan mengunjungi serta melakukan peribadatan berjemaah secara beramai-ramai adalah satu cara menenangkan jiwa, terutama sembahyang fardu jumaat dan sembahyang fardu lima lainnya.

Lebih dari 60 buah Masjid telah dibina di Negara ini semuanya tidak termasuk surau-surau, dan balai-balai ibadat. Dari jumlah tersebut sebanyak 32 buah Masjid dibina di Daerah Brunei dan Muara.

Sebelum itu ucapan alu-aluan telah disampaikan oleh Kadi Daerah Brunei dan Muara, Awg. Hj. Tassim bin Akim dan Pengerusi Pembukaan Masjid Awg. Hj. Ibrahim bin Tersad. Sementara bacaan ayat-ayat suci Al-Quran telah dibacakan oleh Ustaz Awg. Md. Yunus bin Taha.

Masjid Kampong Pelambayan dibina di sebuah tapak yang diwakafkan oleh Allahyarham Awg. Hj. Ibrahim bin Pehin Orang Kaya Perdana Wangsa Hj. Mohammad. Ianya dapat menampung seramai 500 orang jemaah dengan perbelanjaan lebih dari \$600,000.



YANG BERHORMAT Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussien semasa merasmikan Masjid Kampong Pelambayan Jumaat lepas.

Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak dari 25 April hingga 1 Mei 1984

TEMPAT PERSINGGAHAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Melayu Limau Manis	25.4.1984	Rabu	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Melayu Pengkalan Batu	25.4.1984	Rabu	9.45-10.45 "
Sekolah Melayu Masin	25.4.1984	Rabu	11.00-12.00 T/Hari
Sekolah Melayu Jerudong	*28.4.1984	Sabtu	8.30- 9.30 pagi
Penjara Jerudong	*28.4.1984	Sabtu	9.45-10.45 "
Sekolah Melayu Sengkurong	*28.4.1984	Sabtu	11.00-12.00 T/Hari
Sekolah Agama Sengkurong	*28.4.1984	Sabtu	2.30- 3.00 petang
Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti Kilanas	*28.4.1984	Sabtu	3.15- 4.15 "
Sekolah Melayu Bendahara Sakam Bunut	*28.4.1984	Sabtu	4.30- 5.30 "
Di hadapan Rumah Penghulu Mukien Serasa	29.4.1984	Ahad	9.00-10.00 pagi
Kawasan Rumah Ketua Kampung Masjid Lama, Muara	29.4.1984	Ahad	10.15-11.15 "
Di hadapan Kedai Pekan Muara	29.4.1984	Ahad	11.30-12.00 T/Hari
Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Rendah)	30.4.1984	Isnin	2.00- 3.00 petang
Sekolah Agama Kampong Perpindahan Berakas,	30.4.1984	Isnin	3.30- 4.30 "
Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok	1.5.1984	Selasa	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Melayu Datu Mahawangsa, Larnbak	1.5.1984	Selasa	10.30-11.30 "

* Cuti Israk Mikraj

RTB

Intisari minggu ini

Radio Minggu Ini:

DAKWAH DI RADIO

KEUTAMAAN terhadap rancangan-rancangan yang bercorak ke-ugamaan memang sudah lama diberikan perhatian oleh pihak radio. Pada setiap pembukaan siaran, ianya dimulakan dengan menyiarkan ayat-ayat suci Al-Quran dan begitu juga penutupnya yang diakhiri dengan doa restu.

Setiap rancangan yang diterbitkan juga pukul rata dimulakan dengan salam keislaman. Rancangan-rancangan keugamaan memang banyak diterbitkan, sesuai dengan hasrat radio untuk menempatkan rancangan-rancangan seumpama itu di tangga yang paling atas.

Di sebalik rancangan-rancangan ini, terselit hasrat dan cita-cita radio untuk cuba menyumbangkan persembangan antara matlamat hidup di dunia dan juga di akhirat. Di samping penyiaran ajaran Ugama Islam itu dipikul oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam, Radio juga tidak ketinggalan dalam mendukung sama tugas-tugas yang berkebajikan itu.

Dalam masa yang singkat saja dari sekarang, kita akan menyambut dan memperingati peristiwa Israk Mikraj. Dan sekali lagi pihak radio tidak ketinggalan untuk menyiarkan rancangan khas yang berkenaan dengan peristiwa itu. Seperti lazimnya,

orang-orang radio akan membuat rakaman terhadap sambutan-sambutan yang berkaitan dengan-nya, tidak mengira, di masjid-masjid atau di surau-surau manapun di tanahair kita ini.

Perancangan Radio Brunei yang tidak meninggalkan kepentingan ugama itu sudah dapat diterima sepenuhnya oleh pendengar. Setiap sambutan-sambutan keugamaan yang diadakan di sekitar negara ini merupakan salah satu bahan terbitan yang utama untuk disiarkan terus-menerus ke udara. Contohnya, upacara-upacara sambutan Maulud Nabi, Israk Mikraj, Musabiqah Al-Quran Peringkat Negeri dan sebagainya,

merupakan bahan-bahan 'fresh' untuk siaran.

Sesuatu tugas itu selalunya dilaksanakan demi untuk kepentingan bangsa, negara dan ugama. Dan dengan sifat berdakwah radio, salah satu darinya telah diusahakan. Alhamdulillah.



NORAINATAN

MD ABU SOFFIAN

Dua orang lagi penyanyi remaja menjayakan Dendang Remaja

KELUARAN ketujuh belas Dendang Remaja minggu ini menampilkan MD ABU SOFFIAN MD ALI NORDIN dari Daerah Brunei-Muara dan NORAINATAN HJ MOHD SAID dari Daerah Tutong. Ikutilah persembahan mereka pada hari Jumaat 27 April jam 5.00 petang. Ulangannya pula akan ke udara hari Ahad jam 11.00 pagi.

Sandiwara Radio:

HATI DAN PERASAAN

SETIAP orang yang bersalah harus bertanggungjawab atau sekurang-kurangnya menginsafi terhadap kesalahannya. Inilah yang ditimbulkan oleh penulis Adi Ratna, Brunei dalam Sandiwara Radio Minggu Ini yang berjudul HATI DAN PERASAAN.

Satu kemalangan jalan raya telah menjadi punca kecacatan Idah. Dan kecacatannya itu menambahkan lagi penderitaan yang ditanggungnya selama ini. Asri yang merasa dirinya bertanggungjawab, kerana menyebabkan kemalangan itu berniat untuk memberi bantuan yang sewajarnya pada Idah.

Malangnya, niat suci-nya itu mendapat tentangan dari ibunya sendiri dan juga dari Salmah saudara sepupunya. Walaupun mendapat tentangan, Asri tidak berganjak dari apa yang telah diputuskannya.

Segala kata-kata Asri semasa Idah terlantar di rumah sakit, ternyata dikotakannya bila ia menyedai sebuah rumah khas untuk Idah yang sudah diketahuinya tidak mempunyai rumah untuk berlindung.

Tindakannya itu ternyata telah menambahkan tidak senang ibunya. Tapi hati Asri yang keras tidak dapat dilunakkan oleh apa jua halangan dari mana-mana pihak.

Kerana masih tidak berpuas hati, Ibu Asri berserta Salmah dan ayah Asri pergi ke tem-

pat tinggal Idah dengan membawa niat untuk memberi ingatan pada Idah agar tidak lagi meneruskan hubungannya dengan Asri.

Tergamakkah mereka bertindak seperti yang dirancang setelah bertemu dengan Idah? Bagaimana pula hubungan Idah dengan Asri? Untuk mengetahui kesudahan sandiwara ini, ikutilah siarannya yang akan ke udara pada 29 April, 1984 jam 10.30 pagi.

Rancangan ini diterbitkan oleh Dk. Rasinah Pg. Kahar.

Peserta dari Pendengar Untuk Pendengar



RANCANGAN Dari Pendengar Untuk Pendengar minggu ini akan bersama awda semua dengan peserta kita kali ini iaitu Dayang Azizah bte Haji Salleh di alamat No. 77 Kampong Lurong Sikuna, Kampong Ayer Negara Brunei Darussalam.

Rancangan ini ke udara pada hari Selasa 1 Mei jam 4.00 petang.

Drama:


'Serba Salah' siri ketiga

PERGOLAKAN keluarga Liau Labu da'am kisah ini dapat dilihat dengan jelas. Dalam siri ketiga ini kita akan menyaksikan beberapa kegiatan-kegiatan yang dilakukan oleh anak Liau Labu dalam mentadbir bagi menjalankan perniagaannya.

Leman salah seorang pemborong tempatan telah datang untuk menjumpai Awg. Jalil dan secara kebetulan Liau Labu telah pun diamanahkan untuk menjalankan perniagaan. Awg. Sudin dan Awg. Leman cuba untuk memohon kerja sebagai buruh kasar di Syarikat Awg. Jalil. Permohonan itu berjaya atas pertolongan Liau Labu.



KEPADA peminat Haslinda Muhd Taib akan berpeluang mengikuti temubual penerbit Tetamu Radio, Salmah Haji Abdul Rahman menerusi rancangan Tetamu Radio siaran pada hari Ahad jam 5.00 petang.



Keberangkatan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dan Baginda Raja Permaisuri Agong disambut meriah

KEBAWAH D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong berkenan memeriksa kawalan kehormatan yang terdiri dari anggota-anggota ABDB.

BERAKAS.— Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Malaysia, Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tuanku Hajjah Afzan pada Jumaat lepas bagi rawatan rasmi ke negara ini selama tiga hari disambut dengan meriah dan hamparan permaidani merah.

Pesawat khas yang membawa Baginda berdua dan rombongan Diraja selamat mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas pukul 10.25 pagi. Sebaik sahaja turun dari pesawat kapal terbang Baginda berdua dialu-alukan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri.

Lawatan Kebawah D.Y.M.M. Yang Dipertuan Agong dan Kebawah D.Y.M.M. Raja Permaisuri Agong ke negara ini adalah merupakan kunjungan balas 'sempena lawatan rasmi Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Raja Isteri ke Kuala Lumpur dalam bulan lepas.

Di Pentas Diraja Baginda menerima tabik hormat Diraja diikuti dengan lagu kebangsaan Malaysia 'Negaraku' yang disusuli dengan tem-

bakan meriam sebanyak 21 das. Selepas itu lagu kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dimainkan. Setelah itu Baginda berkenan memeriksa kawalan kehormatan yang terdiri dari 105 orang anggota Batalion Pertama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei di bawah perintah Mejar Rosli bin Mohd. Arif dengan iringan permainan pasukan pancaragam ABDB pimpinan Kapten Manaf Haji Kamis.

Sebaik selesai istiadat perbarisan kehormatan Kebawah D.Y.M.M. Yang Dipertuan Agong dan Kebawah D.Y.M.M. Raja Permaisuri Agong dengan diiringi oleh Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Raja Isteri berangkat menuju ke Istana Edinburg di mana Baginda berdua bersemayam semasa lawatan itu.

Berangkat sama di Lapangan Terbang Antarabangsa ialah Kebawah D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, D.Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Moham-ed Bolkiah, D.Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, D.Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah dan Kerabat-Kerabat Diraja yang lain.



KEBAWAH D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam ketika mengalu-alukan keberangkatan tiba Kebawah D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong.




KEBAWAH D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong diperkenalkan kepada salah seorang ketua-ketua diplomat asing yang berada di lapangan terbang untuk mengalu-alukan keberangkatan Baginda dan rombongan.



KEBAWAH D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan bersalaman dengan Kebawah D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong sebaik sahaja Baginda berangkat turun dari pesawat kapal terbang. (atas)

KEBAWAH D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Raja Isteri, Kebawah D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dan Kebawah D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong ketika berbual mesra di Istana Edinburgh.



KEBERANGKATAN Kebawah D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dan Kebawah D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong ke Istana Nurul Iman telah dialu-alukan oleh Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri yang kemudiannya memperkenalkan adinda-adinda Baginda kepada Kebawah D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong (gambar kiri).

KEBAWAH D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dan Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam (gambar atas), Kebawah D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong dan Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Raja Isteri berbual mesra semasa Kerabat Diraja Malaysia itu berangkat kunjung ke Istana Nurul Iman.

Berangkat kunjung ke Istana Nurul Iman

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong yang mengadakan lawatan negara selama tiga hari ke negara ini telah berangkat kunjung ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri di Istana Nurul Iman pada petang Jumaat lepas.

Keberangkatan tiba Baginda berdua di Istana Nurul Iman telah dialu-alukan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan seterusnya diperkenalkan kepada ahli-ahli kerabat Diraja Brunei Darussalam.

Istiadat yang mengambil masa kira-kira setengah jam itu telah juga dihadiri oleh Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himamah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah serta ahli-ahli kerabat Diraja yang lain.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong telah juga diiringi oleh tiga orang Puteri Baginda iaitu Yang Amat Mulia Tengku Puteri Lela Wangsa Tengku Hajjah Meriam; Yang Amat Mulia Tengku Muhaini dan Yang Amat Mulia Tengku Hajjah Nong Fatimah.



BERANGKAT sama di istiadat itu ialah Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien; D.Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himamah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; D.Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan D.Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah.

Menunaikan sembahyang fardu Jumaat di Masjid Omar Ali Saifuddin

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah berangkat menunaikan sembahyang fardu Jumaat di Masjid Omar Ali Saifuddin di sini.

Keberangkatan tiba Baginda ke Masjid itu telah dijunjung dan dialu-alukan oleh Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Brunei, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin dan Pegawai-Pegawai kanan Jabatan Hal Ehwal Ugama.

Sebaik-baik saja sempurna menunaikan sembahyang; umat Islam yang berjemaah pada hari itu dengan penuh hormat telah menghulurkan tangan untuk bersalaman dengan Baginda. (gambar atas)



Baginda Yang Dipertuan Agong berangkat melawat M.P.S.H.B. dan Mahkamah Besar

BANDAR SERI BEGAWAN. — Di hari kedua dalam rangka lawatan rasmi ke Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong telah berkenan berangkat melawat Maktab Perguruan Sultan Hassanah Bolkiyah di Gadong dan Mahkamah Besar di Jalan Tutong.

Keberangkatan tiba Baginda di Maktab Perguruan diserikan dengan pukulan hadrah oleh penuntut-penuntut maktab tersebut dan dijunjung oleh Y.B. Menteri Pelajaran dan Kesihatan, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz dan seterusnya Baginda diperkenalkan kepada Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan Pelajaran dan para pnsyarah kanan maktab itu.

Sebelum melawat ke beberapa bahagian maktab itu Baginda diberikan taklimat yang disampaikan oleh Pengetua MPSHB Awang Kassim bin Adis berhubung dengan sejarah perkembangan maktab itu sejak penubuhannya dalam tahun 1971. Di antara bahagian yang menarik dalam lawatan Baginda ialah Pusat Komputer yang baru diperkenalkan di maktab itu sejak tahun lepas, bahagian lain termasuklah Bilik Alat Pandang Dengar, Makmal Bahasa, Pusat Latihan Mengajar dan Bilik Urusan Rumah tangga.

Setelah menghabiskan masa satu jam di maktab itu Baginda berkenan pula berangkat melawat ke Bangunan Mahkamah Besar yang terletak suku batu dari ibu kota. Pembinaan mahkamah itu menelan belanja \$20 juta dan telah dibuka rasmi oleh Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam pada 15 Mac lepas.

Di Mahkamah Besar keberangkatan tiba Baginda dialu-alukan oleh Ketua Pendaftar Mahkamah Tinggi Dato Mohd. Ali bin Salleh. Penerangan ringkas telah disampaikan oleh Awang Abas bin Haji Serudin, Setiausaha Tetap di Kementerian Undang-Undang. Beberapa bahagian yang Baginda lawati termasuklah Mahkamah Tinggi iaitu bahagian yang terpenting dan utama yang merupakan Mahkamah Ulang Bicara, ianya boleh menampung seramai 300 orang.

Di sepanjang lawatan

Baginda ke MPSHB dan Mahkamah Besar, Baginda diiringi oleh Y.B. Menteri Pelajaran Malaysia Datuk Dr. Sulaiman Daud, Y.B. Menteri Undang-Undang Merangkap Menteri Perhubungan Negeri Brunei Darussalam, YAM Pengiran Laila Kanun Diraja Pg Bahrin, TYT Pesuruhjaya Tinggi Brunei ke Malaysia Awg. Haji Jaya bin Abd. Latif dan TYT Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Brunei Enchik Zainal Abidin bin Ibrahim. Baginda juga berkenan menandatangani buku lawatan di kedua-dua tempat yang dilawati. — MHM.



Menandatangani Buku Pelawat

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong ketika menandatangani Buku Pelawat semasa keberangkatan Baginda ke Bangunan Mahkamah Besar.

AWANG Abas bin Haji Serudin, Setiausaha Tetap di Kementerian Undang-Undang menerangkan sesuatu ketika Baginda Yang Dipertuan Agong berangkat melawat ke bahagian Mahkamah Tinggi. (atas kanan)

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong berbual mesra dengan beberapa orang pegawai wanita. (kanan)

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong ; Y.B. Menteri Pelajaran Malaysia, Datuk Dr Sulaiman Daud ; Y.B. Menteri Undang-Undang merangkap Menteri Perhubungan, Y.A.M. Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin dan Y.B. Menteri Kesihatan dan Pelajaran, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd Aziz ketika mendengar taklimat di Bilik Persidangan MPSHB. (atas)


SALAH seorang penuntut wanita di maktab itu menerangkan sesuatu kepada Baginda Yang Dipertuan Agong mengenai dengan alat pandang dengar dalam membantu sistem pendidikan. (kanan)

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong sedang memerhatikan pembelajaran Bahasa Inggeris yang dikendalikan melalui pita-pita rakaman di Makmal Bahasa. (atas kanan)



ATURCARA UNTUK BAGINDA PERMAISURI AGONG

Di Majlis Jamuan Teh



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Malaysia, Tuanku Hajjah Afzan binti Tengku Muhammad dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha telah berkenan berangkat ke Majlis Jamuan Teh yang dipersembahkan oleh Pertubuhan Perkumpulan Wanita Brunei (WI) di Mess Pegawai Polis Diraja Brunei di Gadong Sabtu lepas.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dijunjung dan dialu-alukan oleh Pengerusi Pertubuhan Perkumpulan Wanita Brunei, Datin Masni bte Haji Ali dan Timbalan Pengerusi Dyg. Hajjah Marhani bte Abd. Latif serta ahli-ahli WI yang lain.

Berangkat sama di majlis itu ialah Y.T.M. Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah, Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna, Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Norain, Y.A.M. Pengiran Bini Ruhaizah, Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam dan Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Nasibah.

Bagi meraikan lagi majlis jamuan teh pada petang itu, Kebawah D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Malaysia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri juga berkenan menyaksikan pameran pameran barang-barang antik dan alat-alat tradisional perkhawinan orang-orang Melayu Brunei yang dipersembahkan oleh Pertubuhan Perkumpulan Wanita Brunei (WI).

Sebelum itu, pada sebelah paginya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Malaysia telah berangkat ke Pusat Bimbingan dan Latihan Orang-Orang Cacat di Kampong Pulaie, Berakas.

KEBAWAH D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha ketika menghadiri Majlis Jamuan Teh.

KEBERANGKATAN Baginda Raja Permaisuri Agong ke majlis tersebut telah dialu-alukan oleh Pengerusi WI, Datin Masni dan ahli-ahli pertubuhan tersebut (atas kanan).

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong di sana telah dialu-alukan dan dijunjung oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkihah, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan Negara Brunei Darussalam, dengan diiringi oleh pukulan hadrah dan persembahan sejambak bunga oleh salah seorang kanak-kanak cacat di pusat itu. Kemudiannya, Baginda dijunjung oleh Yang Berhormat Pengarah Kebajikan, Belia dan Sukan untuk diperkenalkan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan.

Semasa kunjungan itu, Baginda Raja Permaisuri Agong juga dijunjung ke Dewan Gymnasium bagi

mendengar taklimat ringkas berkenaan dengan pusat itu yang disampaikan oleh Ketua Pegawai Kebajikan Masyarakat, Dyg. Zaliha bte Haji Mohiddin.

Baginda kemudiannya berkenan menyampaikan cek sebagai derma peribadi Baginda kepada pusat tersebut.

Seterusnya Baginda Raja Permaisuri Agong diiringi oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkihah dan pegawai-pegawai serta kakitangan Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan bagi menyaksikan berbagai-bagai pameran hasil kerjatangan yang dibuat oleh orang-orang buta di pusat itu dan melawat ke kelas-kelas Kanak-Kanak Cacat.

DI ISTANA DARUL AMAN



DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam telah menerima keberangkatan kunjung hormat Kebawah D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong semasa lawatan rasmi Diraja Malaysia itu ke negara ini.

Gambar atas kelihatan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam dan Kebawah D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong berbual mesra di Istana Darul Aman semasa kunjungan tersebut.

Di Pusat Bimbingan dan Latihan Orang-Orang Cacat



SALAH seorang kanak-kanak cacat menyebarkan sejambak bunga ke hadapan majlis Kebawah D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong untuk mengalu-alukan keberangkatan Baginda ke Pusat itu, sementara gambar kanan kelihatan Baginda Raja Permaisuri Agong menyaksikan kegiatan pelatih-pelatih di pusat tersebut.





SATU majlis pertukaran cenderamata telah berlangsung di Balai Penghadapan Istana sebelum Majlis Persantapan Diraja (gambar kiri) dan selepas majlis itu Kebawah D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong; Kebawah D.Y.M.M. Pader Darussalam; Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha; Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien dan Y.A.M. Pengiran Bini Pengiran Keberangkatan Diraja Malaysia itu (atas).

MAJLIS SANTAPAN DIRAJA BAGI MERAIKAN KEBAWAH D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG DAN RAJA PERMAISURI AGONG DI ISTANA NURUL IMAN

SATU Majlis Persantapan Diraja telah berlangsung di Istana Nurul Iman pada malam Ahad lepas bagi meraikan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong yang mengadakan lawatan rasmi selama tiga hari ke negara ini.

Keberangkatan tiba Baginda berdua di Istana Nurul Iman dialu-alukan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri.

Sebelum berangkat ke Balai Persantapan satu upacara pertukaran cenderamata di antara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong serta Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong telah dilaksanakan.

Sebaik-baik saja rombongan Diraja berangkat tiba di Balai Persantapan, lagu 'Negaraku' dan 'Allah Peliharakan Sultan' dimainkan oleh Pancaragam Polis Diraja Brunei dan diikuti dengan bacaan doa selamat oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji

Ismail bin Umar Abdul Aziz, Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam.

Sebelum Majlis Persantapan dimulakan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan melafazkan titah dan kemudian disusuli pula dengan titah oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong.

Berangkat sama ke majlis itu ialah Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien dan Yang Amat Mulia Pengiran Bini Pg Hajjah Salhah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Bini Ruhaizah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibol Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah dan Kerabat-Kerabat Diraja yang lain.

Hadir sama ialah pembesar-pembesar negara dan diplomat-diplomat asing di negara ini.


Majlis persantapan malam itu telah diserikan juga dengan permainan Pancaragam Polis Diraja Brunei.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien dan Yang Amat Mulia Pengiran Bini Pg Hajjah Salhah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Bini Ruhaizah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibol Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah dan Kerabat-Kerabat Diraja yang lain.



Iman di antara kedua-dua Kerabat Diraja sejurus Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong; Kebawah Baginda Sultan Dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Sa'adah bergambar ramai sebagai memperingati




MAJLIS Persantapan Diraja itu dimulakan dengan bacaan doa selamat oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail, Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam. (atas)

KEBAWAH D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dengan diiringi oleh Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam (kiri), Kebawah D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong diiringi oleh Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (kanan) ketika berangkat masuk ke Balai Persantapan.



D.Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, D.Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, D.Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah; Yang Mulia Tengku Kamil Ismail, Y.B. Datuk Dr. Sulaiman Daud, Menteri Pelajaran Malaysia dan Y.A.M. Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin, Menteri Undang-Undang merangkap Menteri Perhubungan di majlis pertukaran cenderamata di Balai Penghadapan Istana Nurul Iman.



Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah junjung ziarah kepada Yang Dipertuan Agong sebaik-baik saja Baginda dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Sultan Haji Sir Sa'adah (atas) semantara gambar atas pula sebahagian daripada pembesar-pembesar keberangkatan tiba Kerabat-Kerabat Diraja dengan diikuti oleh Lagu Kebangsaan Malaysia dan



RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

HARI RABU 25 APRIL

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 FRAGGLE ROCK
4.55 THE INCREDIBLE HULK
5.20 DIFFERENT STROKES
5.45 JOURNEY INTO THE HIMALA-YAS: "The Bakrawallahs"
Kita meninjau kehidupan pengem-bala kambing yang menghuni peman-dangan indah pergunungan Himalayas dalam negeri Kashmir.
6.00 BERITA AWAL
6.05 JOURNEY INTO THE HIMA-LAYAS — sambungan
6.15 TEKA TEPAT
6.31 AZAN MAGHRIB
6.41 TEKA TEPAT — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 HOTEL: "Charades"
Kakitangan The St. Gregory Hotel bersiap sedia dengan perasaan curiga untuk menghadapi satu percubaan membunuh yang mungkin terjadi di sana.
7.43 AZAN ISYAK
7.50 HOTEL — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 APANYA KATANI
10.05 ROAD TO WEMBLEY: "Sheffield Wednesday vs. Southampton"
10.55 TAYANGAN GAMBAR: "Leave 'em Laughing"
12.30 SIARAN TAMAT.

HARI KHAMIS 26 APRIL

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
6.00 BERITA AWAL
6.05 SISTEM EJAAN BARU (Ulangan)
6.30 TAKE HART: "Angles"
6.30 FAST FORWARD
6.31 AZAN MAGHRIB
6.41 FAST FORWARD — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE A TEAM: "One More Time"
The A Team sudah dalam tahanan Col. Lynch. Namun begitu mereka diberi satu tugas sebagai imbuhan kepada kebebasan mereka. Jabatan negara Amerika mengarah mereka untuk menyelamatkan General Ludlam dan anak perempuannya dari tahanan sekumpulan penganas di satu hutan belantara.
7.43 AZAN ISYAK
7.50 THE A TEAM — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 HIDAYAT
9.05 DUNIA MINGGU INI
9.35 HAWAII FIVE-O: "The Pagoda Factor"
10.35 PAUL HOGAN SHOW
11.05 POT BLACK 1982: "Mountjoy lwn Higgins"
11.55 SIARAN TAMAT.

HARI JUMAAT 27 APRIL

- 12.00 PEMBUKAAN
12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
12.12 SUSUNAN RANCANGAN
12.15 SIARAN LANGSUNG SEMBAH-YANG FARU JUMAAT DARI MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN.

PETANG

- 1.25 ROAD TO LOS ANGELES: "Boxing, Gymnastics, Swimming"
2.20 CHILDREN'S FEATURES: "Countdown To Danger"
3.05 ROAD RUNNER SHOW
3.30 IN SEARCH OF: "In Search of King Tut" (Episod terakhir)
3.39 AZAN ASAR
3.45 IN SEARCH OF — sambungan
3.55 THUNDERBIRDS
4.25 YOU ASKED FOR IT

- 4.50 OMNI, THE NEW FRONTIER
5.15 KONONNYA: "Batu Belah Batu Bertangkup"
5.35 MORK AND MINDY ANIMATION: "Every Doing Has His Day"
